

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA KES SERANGAN DAN PEMBUNUHAN ANGGOTA POLIS
DI BALAI POLIS ULU TIRAM, JOHOR BAHRU

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor selepas mengambil kira kemaslahatan ummah dan persoalan fiqh terhadap peristiwa serangan dan pembunuhan anggota polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balai Polis Ulu Tiram pada 17 Mei 2024 dengan ini memuktamadkan isu berkaitan mengikut Hukum Syarak.

1. Jawatankuasa Fatwa mengklasifikasikan pembunuhan kejam terhadap anggota polis sebagai kematian ***Fi Sabilillah***, iaitu kematian di jalan Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana kematiannya demi menjaga keselamatan dan mempertahankan kepentingan negara.
2. Jawatankuasa Fatwa juga memutuskan bahawa jenazah Allahyarham kedua-dua anggota polis iaitu Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi Bin Azhar dan Allahyarham Konstabel Muhamad Syafiq Bin Ahmad Said sebagai ***Syahid Akhirat***. Pengurusan jenazah mereka hendaklah disempurnakan dengan melengkapkan empat rukun tajhiz jenazah, iaitu dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan.
3. Manakala bagi pengurusan jenazah penjenayah pula, Jawatankuasa Fatwa juga telah memutuskan agar jenazah hendaklah dimandikan, dikafankan dan disolatkan di hospital atau di rumah keluarganya sahaja. Jenazah penjenayah tidak dibenarkan untuk dibawa ke mana-mana masjid atau surau untuk urusan berkaitan. Selepas selesai jenazah dimandikan, dikafankan dan disolatkan, jenazah hendaklah dikebumikan di tanah perkuburan yang telah ditetapkan dan kedudukan kuburnya hendaklah berjauhan sedikit dari liang lahad penghuni kubur yang lain.

Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa ianya sebagai satu peringatan kepada masyarakat agar tidak terlibat atau melakukan perkara yang dilakukan oleh penjenayah. Ia juga sebagai tanda menzahirkan kebencian terhadap apa yang telah dilakukan oleh penjenayah lebih-lebih lagi menyerang dan membunuh anggota polis yang sedang bertugas. Jawatankuasa Fatwa mengingatkan orang ramai supaya tidak terlibat dan bersimpati ke atas penjenayah di atas apa yang telah dilakukannya.

Bertarikh 10 Zulkaedah 1445 / 19 Mei 2024

[JMJ.351/04/01/6/68;PPUUNJ(R)600-1/5/8(47)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD

Mufti Negeri

Johor

PUAN ZARINA BINTI ABDUL KADIR

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor